



JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU

PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN 2010

1103/1

TINGKATAN EMPAT

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Mei

2 ¼ jam

Dua jam lima belas minit

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B***
2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan satu soalan daripada **Bahagian B**.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi*

---

Disediakan oleh:  
AKRAM NEGERI TERENGGANU

Dibiayai oleh:  
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

**TERENGGANU ANJUNG ILMU**

Dicetak oleh:  
Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.  
Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063

---


*Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak.*

**Bahagian A**

[Masa dicadangkan : 45 minit]

[ 30 markah ]

*Gambar rajah di bawah menunjukkan sebahagian daripada cara menangani ponteng. Huraikan pendapat anda tentang cara-cara menangani masalah ponteng sekolah dalam kalangan murid. Panjang huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.*



**Bahagian B**

[ Masa yang dicadangkan : 1 jam 30 minit ]

[100 markah]

*Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.*

1. Rakan anda menulis sepucuk surat menceritakan kelemahannya menguasai pelajaran di sekolah. Dalam surat itu, dia meminta pandangan anda tentang teknik-teknik pembelajaran yang anda amalkan sehingga menjadi pelajar cemerlang di sekolah.

Balas surat rakan anda selengkapnya.

2. Ibu bapa merupakan insan terpenting dalam hidup setiap manusia. Jasa mereka kepada kita tidak ternilai harganya. Jelaskan tanggungjawab anak-anak untuk menghargai jasa ibu bapa.
3. Sejak akhir-akhir ini masalah sosial seperti gejala ragut, pembuangan bayi semakin berleluasa dalam masyarakat. Hal yang membimbangkan ini berlaku disebabkan pelbagai punca.

Huraikan pendapat anda tentang punca-punca berlaku permasalahan tersebut dan langkah-langkah untuk menanganinya.

4. Penularan pelbagai penyakit seperti influenza H1N1, selesema burung, Aids dan sebagainya di peringkat global menimbulkan keresahan kebanyakan negara di dunia. Bincangkan usaha-usaha yang boleh dilakukan oleh negara-negara di dunia untuk menangani masalah ini.
5. Peribahasa, “Sesat di Hujung Jalan, Balik ke Pangkal Jalan,” bermaksud apabila menyedari bahawa kita telah melakukan kesalahan, kita hendaklah insaf dan berusaha membetulkannya.

Tulis cerpen berdasarkan peribahasa tersebut.

**KERTAS SOALAN TAMAT**